

Headline	TLDL Jalin Kerjasama Dengan UMT
Date	27. Feb 2008
Media Title	Utusan Malaysia
Section	Supplement
Circulation	238082
Readership	833287
Language	MALAY
Page No	20
Article Size	912 cm²
Frequency	Daily
Color	Full Color



20 **Mega** UTUSAN MALAYSIA >> Rabu 27 Februari 2008

TENTERA

TLDM jalin kerjasama dengan UMT

Oleh LT. DYA SITI SALINA JOHARI
>> Gambar BK KNA AMIR HAMZAH ISMAIL

PENUBUHAN Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (Palapes) di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di negara ini menjadi pemangkin kepada melahirkan modal insan yang berkelayakan akademik dan seterusnya menyumbang kepada keperluan pertahanan negara.

Program Palapes ini mempunyai potensi dan peranan yang amat besar dalam membentuk mahasiswa mahupun mahasiswa ke arah warga negara yang berdisiplin, berdaya saing, mempunyai jati diri dan ciri-ciri ketahanan nasional.

Sebagai salah satu cabang Pasukan Simpanan Angkatan Tentera, Palapes merupakan pasukan kerangka dalam konsep Pertahanan Menyeluruh atau singkatannya, Hanruh dalam mendukung Dasar Pertahanan Negara.

Oleh itu, peranan serta tanggungjawab yang digalas oleh PALAPES (Laut) tidak kurang pentingnya dan tidak wajar dipandang rendah oleh mana-mana pihak terhadap sumbangannya kepada pertahanan nasional.

Penubuhan Baru

Baru-baru ini, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) muncul IPTA ketujuh mempunyai program PALAPES (Laut) selepas kewujudan program ini di IPTA seperti Universiti Sains Malaysia (USM), dan Universiti Utara Malaysia (UUM).

Selain itu, Palapes juga telah lama bertapak di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Malaya (UM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM).

Turut diadakan ialah majlis pemakaian pangkat Kapten (Kehormat) kepada Profesor Datuk Dr. Sulaiman Md. Yassin yang merupakan Naib Canselor UMT merangkap Komandan Palapes (Laut).

Sementara itu, pemakaian pangkat Komander (Kehormat) diberikan kepada Profesor Madya Zainal Ashirin iaitu Timbalan Dekan (Akademik dan Hal Ehwal Pelajar), Fakulti Pengajian Maritim dan Sains Marin merangkap Timbalan Komandan Palapes (Laut) UMT.

"Ini merupakan usaha pihak UMT dan TLDM untuk merancang dan merangka strategi bagi menambah baik pembangunan modal insan dalam penerokaan dari aspek maritim serta memperkuatkukan kepimpinan dan pengurusan pertahanan maritim Malaysia.

"TLDM dan UMT dilihat sebagai suatu 'sinergi' yakni ia berperanan menyedarkan rakyat dan menjana minat mereka membantu kerajaan meneroka bidang maritim yang berpotensi dan kaya sebagai sumber ekonomi di negara ini," jelas Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Ramlan Mohamed Ali.

Beliau berkata demikian ketika berucap menyempurnakan majlis pemakaian pangkat tersebut baru-baru ini.

Tambahan lagi, UMT merupakan penyumbang utama dalam melahirkan siswazah bidang maritim dan sains marin.

Justeru, ini merupakan peluang bagi TLDM dan UMT mewujudkan perkongsian bijak bagi meningkatkan imej, kemampuan dan prestasi. Beberapa projek kerjasama turut giat dirancangkan oleh ke-

TLDM dan UMT dilihat sebagai suatu 'sinergi' yakni ia berperanan menyedarkan rakyat dan menjana minat mereka membantu kerajaan meneroka bidang maritim yang berpotensi dan kaya sebagai sumber ekonomi

– TAN SRI RAMLAN MOHAMED ALI



RAMLAN Mohamed Ali melaksanakan pemakaian pangkat Kapten (Kehormat) kepada Sulaiman Md. Yassin baru-baru ini.

dua-dua entiti ini.

Keupayaan UMT dalam mempelopori bidang pengajian maritim dan sains marin khususnya boleh dijadikan sebagai platform utama apabila lagi apabila melihat kepada jurusan kepakaran yang dimiliki adalah seiring dengan usaha TLDM dalam merealisasikan aspirasi ke arah membentuk 'K-Navy' (Knowledge-Navy).

Peluang Pendidikan

Ramlan menambah, melihat kepada khidmat pakar yang sedang dilaksanakan oleh UMT, ia amat relevan atau selari dengan beberapa aspek yang dimiliki TLDM seperti bidang hidrografi, oseanografi dan penyelidikan dan pembangunan (R&D) marin.

"Diharapkan, kerjasama ini bukan sahaja dilihat melalui kemudahan yang sedia ada ketika ini malahan bertenaga dan ditafsirkan peluang juga terbuka sehingga pengoperasian kapal-kapal selam Malaysia yang akan kembali ke tanah air juga terhadap rancangan-rancangan pembangunan TLDM yang lain," ujarnya.

Pelaburan dalam bidang pendidikan yang dilakukan oleh TLDM selama ini telah diperakui mendatangkan manfaat yang baik bagi menjamin pengekalan dan meningkatkan terhadap tahap profesionalisme dan keberkesanannya warganya dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan selama ini.

Sejak dengan itu, TLDM sentiasa memberi keutamaan yang tinggi terhadap pencapaian dan kejayaan akademik warganya. Peluang pendidikan sentiasa terbuka untuk warga TLDM agar meningkatkan pencapaian akademik sama ada di institusi-institusi pengajian di dalam mahu pun di luar negara kerana percambahan ilmu pengetahuan kini dilihat menjadi persaingan utama di peringkat yang lebih tinggi.

Tenaga Mahir

Di akhir ucapanannya, Ramlan berkata, penglibatan mahasiswa dalam program Palapes ini diharap memberi kesedaran serta peluang bagi mereka untuk merasai cara hidup tentera.

TLDM masih memerlukan tenaga mahir sebagai pelapis untuk mengendalikan perolehan beberapa aset penting dan berharga milik negara seperti kapal selam, kapal ronda dan frigat generasi baru.



RAMLAN Mohamed Ali dan Sulaiman Md. Yassin berterima kasih selepas majlis pemakaian pangkat Kapten (Kehormat) di Universiti Malaysia Terengganu, baru-baru ini.

<<PALAPES (Laut) di institusi pengajian tinggi turut memainkan peranan penting dalam melahirkan modal insan cemerlang. – Gambar hiasan